

TARIKH : 15 FEBRUARI 2020

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 37



Azmin (tengah) dan Ahmad Samsuri (kanan) sewaktu melawat Pasar Payang di Kuala Terengganu semalam.

MEA peruntuk RM1.14 bilion

Bangunkan infrastruktur di Terengganu tahun ini

Oleh FARAH SHAZWANI

KUALA TERENGGANU

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) memperuntukkan sebanyak RM1.14 bilion bagi pembangunan infrastruktur di Terengganu pada tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, peruntukan itu diberikan bagi merapatkan jurang pembangunan antara wilayah.

Menurutnya, ia juga selari dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 untuk melihat pertumbuhan ekonomi berlaku bukan sahaja di Lembah Klang dan Kuala Lumpur tetapi juga di negeri lain khususnya di Terengganu, Kelantan,

Kedah, Perlis, Sabah dan Sarawak.

"Kita telah kenal pasti enam negeri ini yang perlu diberikan perhatian untuk membawa pembangunan kerana tanpa infrastruktur, tidak ada pelaburan yang nak masuk ke negeri berkenaan.

"Dalam rangka lawatan kerja hari ini (semalam), saya ingin melihat sendiri apa yang kementerian dapat bantu dalam pembangunan di peringkat daerah dan negeri.

"Saya melihat beberapa projek pembangunan termasuk kompleks Pasar Payang perlu diberikan perhatian untuk disiapkan, begitu juga jambatan angkat yang menjadi tarikan pelancong dalam dan luar negeri.

"Ia akan memberikan kesan ekonomi yang positif kepada Terengganu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas melakukan tinjauan di Pasar Payang, dalam rangka kerja sehari di Terengganu di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Samsuri Mokhtar.

Mohamed Azmin berkata, kementerian juga menyediakan peruntukan tambahan mengikut keadaan dan keperluan tertentu seperti keperluan mendesak bagi menangani hakisan pantai di Terengganu.

Sementara itu, mengulas mengenai kesan coronavirus (Covid-19) terhadap ekonomi negara, Mohamed Azmin berkata, kerajaan tiada pilihan selain mengumumkan pakej rangsangan ekonomi.

"Hari ini (semalam) ada mesyuarat penting di Kuala Lumpur melibatkan Kementerian Kewangan, MEA dan beberapa kementerian lain bagi meneliti pakej rangsangan yang akan diumumkan dalam masa terdekat.

"Tujuan utama pakej rangsangan ini adalah untuk menyuntik dana bagi menjana ekonomi dalam negara dan menjamin kesejahteraan rakyat secara keseluruhan," katanya.